



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **SHARP TURUT MENJAYAKAN KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN 2016 BERSAMA WARGA TITIWANGSA**

**KUALA LUMPUR, 27 Februari 2016** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Titiwangsa yang diadakan di Taman Tasik Ampang Hilir, Desa Pahlawan, KL dihadiri kira-kira 2500 orang warga kota, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di kawasan sekitar Titiwangsa, Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan bersama pihak SHARP dan gotong-royong sesi memasak secara beramai-ramai. Selain itu, menerusi kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga kota bagi menjamin keharmonian.

3. Penglibatan SHARP dalam program ini merupakan kerjasama strategik antara KWP dengan badan korporat bagi menjayakan Kenduri 1Wilayah Persekutuan dan juga sesi gotong-royong cegah denggi bersama-sama komuniti Wilayah Persekutuan di Titiwangsa. Seramai 100 orang warga SHARP turut menyertai sesi gotong-royong kebersihan dan program cegah denggi pada pagi ini di Kampung Desa Pahlawan. Ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Pihak SHARP juga turut

memberikan sumbangan 500 helai t-shirt kepada komuniti Titiwangsa yang terlibat dalam sesi gotong-royong kebersihan serta 10 barangan elektrik sebagai hadiah cabutan bertuah iaitu 5 unit *air purifier* dan 5 unit *air purifier mosquito catcher*.

4. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti gotong-royong kebersihan, zumba, pertandingan mewarna dan melukis kanak-kanak, pertandingan memancing, karaoke, gerai pameran, persembahan kebudayaan, cabutan bertuah dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Titiwangsa. Kelainan yang ada pada program di sini berbeza dengan program Kenduri 1WP di kawasan lain adalah pertandingan membuat *kolam* yang popular bagi masyarakat India dan pertandingan sepak raga bulatan. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan mencerikan lagi warga kota di Taman Tasik Ampang Hilir. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan pelbagai peringkat dan latar belakang dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dan ceria. Program sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
27 Februari 2016